

→ MUKA DUA

# Jawatankuasa khas siasat kebakaran ditubuh: TPM



(FOTO BERNAMA)

Ahmad Zahid bertanya sesuatu kepada pelajar Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah yang terselamat ketika melawat tempat kejadian di Jalan Keramat Ujung, Kuala Lumpur, semalam.

➔ Kerajaan selaras aspek keselamatan maahad tahfiz elak tragedi berulang

► Kuala Lumpur

Kerajaan akan menubuhkan sebuah pasukan petugas berkaitan tragedi kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah Jalan Keramat, kata Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pasukan petugas itu akan ditubuhkan segera tanpa perlu menunggu mesyuarat Kabinet yang akan membabitkan pelbagai kementerian dan agensi berkaitan.

"Saya akan bekerjasama dengan beberapa kementerian dan agensi yang berkaitan dalam menubuhkan pasukan petugas ini.

"Saya juga menawarkan diri untuk mempengerusikan pasukan petugas berkenaan," katanya pada sidang media di lobi wad kecemasan Hospital Kuala Lumpur (HKL), di sini semalam.

**Kerajaan uruskan jenazah**

Bagaimanapun, beliau tidak memperincikan penubuhan pasukan petugas berkenaan.

Pada masa sama, katanya, kerajaan akan membantu urusan pe-



Saya akan bekerjasama dengan beberapa kementerian dan agensi yang berkaitan dalam menubuhkan pasukan petugas ini"

Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri

ngecaman mayat pengurusan dan pengebumian jenazah mangsa yang kini berada di HKL.

Katanya, kerajaan akan menguruskan jenazah daripada proses mandikan dan mengafankan mengikut operasi standard (SOP) pihak hospital.

Bercakap pada sidang media di tapak kejadian pula, Ahmad Zahid berkata kerajaan akan menyelaraskan aspek keselamatan maahad tahfiz di seluruh negara bagi mengelak kejadian buruk berulang.

Katanya, sejak 2011, sebanyak 31 kebakaran membabitkan maahad tahfiz direkodkan.

**Pantau aspek keselamatan**

Katanya, penyelarasan itu bukan bermakna kerajaan berniat campur tangan atau mengambil alih pentadbiran maahad tahfiz, sebaliknya mahu memastikan semua aspek keselamatan dipatuhi.

"Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) telah menyediakan latihan khusus supaya maahad tahfiz dan sekolah agama rakyat mewujudkan pasukan bomba sukarela masing-masing yang saya lancarkan pada Mei lalu.

"Tetapi ada maahad tahfiz yang kuatir kononnya kita mahu campur tangan atau ambil alih pentadbiran sekolah berkenaan, sedangkan kita hanya mahu melihat dari segi aspek keselamatan.

"Saya tidak salahkan mana-mana pihak dan saya sudah beritahu di Sibul pagi tadi bahawa pawai-

keselamatan mesti dipatuhi semua pihak, dengan (kerajaan) tidak berhasrat dan berhajat untuk campur tangan dalam pentadbiran atau ambil alih maahad tahfiz.

"Biarpun ibadat dalam pengajian ini diberi keutamaan, aspek keselamatan hendaklah dijaga," katanya.

## PM sedih, doa roh dirahmati

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak melahirkan rasa sedih dengan tragedi kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, yang mengorbankan 23 nyawa semalam.

Perdana Menteri yang kini berada di Amerika Syarikat kerana lawatan kerja mendoakan semoga roh mangsa dirahmati Allah.

"Innalillah. Amat sedih baca Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah terbakar dan korban lebih 20 nyawa. Moga roh dirahmati Allah SWT. Al-Fatihah," katanya menerusi akaun Twitter.

Sementara itu, dalam mesej Twitter petang semalam, Najib mengingatkan semua pengusaha pusat tahfiz mematuhi piawaian dan peraturan keselamatan kerana ia membabitkan nyawa.

"Saya berasa sedih dengan kes kebakaran di Pusat Tahfiz Darul Ittifaqiyah. Marilah kita sama-sama ambil iktibar supaya perkara ini tidak berulang.

"Semua bangunan pusat tahfiz ini wajib mematuhi piawaian dan peraturan keselamatan yang ditetapkan kerana ini membabitkan nyawa," katanya.

**WAKTU SOLAT**

**IBADAT & FADILAT**

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA: Sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: Allah SWT berjirman. Apabila hamba-Ku saka akan pertemuan dengannya, maka Aku pun saka pertemuan dengannya. Apabila dia bereti pada pertemuan dengannya, maka aku bereti pertemuan dengannya." (HR Bukhari, Nasai dan Ibnu Hibban)

Kawasan	Subuh	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
Kangar	5:53	1:16	4:22	7:20	8:29
Alor Setar	5:53	1:16	4:21	7:20	8:29
P. Pinang	5:53	1:16	4:20	7:19	8:28
Ipoh	5:51	1:14	4:16	7:17	8:26
Kuala Lumpur	5:49	1:11	4:12	7:14	8:23
Shah Alam	5:49	1:11	4:12	7:14	8:23
Johor Bahru	5:41	1:03	4:04	7:05	8:14
Kuantan	5:42	1:04	4:04	7:08	8:16
Seremban	5:48	1:10	4:09	7:12	8:21
Bandar Melaka	5:47	1:09	4:09	7:12	8:20
Kota Bharu	5:50	1:09	4:14	7:12	8:18
K. Terengganu	5:42	1:05	4:09	7:08	8:17

**PILIHAN TERTINGGI**

**BH ONLINE**

- ➔ Pusat tahfiz terbakar, lebih 20 terkorban
- ➔ 'Ayah, adik meninggal'
- ➔ Terjun tingkat 2 selamatkan diri
- ➔ Tragedi berulang
- ➔ Ibu jumpa arwah Ahad lalu